

25/11/1999

RM3.08b untuk bayar dividen, bonus ASB (HL)

Abdul Halim Yusoff

KUALA LUMPUR, Rabu - Permodalan Nasional Bhd (PNB) memperuntukkan RM3.08 bilion bagi pembayaran dividen, dividen alaf baru dan bonus kepada pemegang unit Amanah Saham Bumiputera (ASB) tahun ini.

Pengerusi PNB, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid hari ini mengumumkan, pelabur ASB akan menerima pembayaran dividen dan bonus berjumlah 12 peratus tahun ini, kadar yang lebih baik berbanding tahun lalu dan 1997.

Skim ASB memperuntukkan RM2.28 bilion sebagai dividen, bersamaan 8.50 peratus bagi pelaburan sepanjang 1999. Pelabur juga akan diberikan dividen alaf baru sebanyak dua peratus membabitkan peruntukan RM540 juta.

Pada masa yang sama, PNB memperuntukkan RM260 juta untuk membayar bonus pada kadar 1.50 peratus kepada pelabur ASB.

Ahmad Sarji menjelaskan, pembayaran dividen alaf baru adalah penghargaan PNB kepada pelabur yang setia dan yakin terhadap skim ASB.

"Pengiraan kedua-dua dividen itu adalah berdasarkan purata baki minimum bulanan bagi 1999. Bonus pula adalah penghargaan PNB kepada pemegang unit yang mengekalkan pelaburan dalam dana ASB sejak ia dilancarkan pada 1990," katanya dalam sidang akhbar di sini.

ASB adalah dana amanah terbesar yang dikendalikan PNB. Sehingga kini ASB mempunyai dana terkumpul berjumlah RM24.7 bilion. Pada 1998, ASB membayar dividen dan bonus berjumlah 10.5 peratus, manakala pada 1997, 11.50 peratus.

Ogos lalu, PNB mengumumkan dividen Amanah Saham Wawasan 2020 berjumlah 10.2 peratus mengatasi dividen 9.8 peratus pada tahun sebelumnya.

Hadir sama dalam sidang akhbar itu ialah Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Hamad Kama Piah Che Othman.

Ahmad Sarji berkata, pembayaran dividen dan bonus itu sudah dipersetujui oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi Yayasan Bumiputera.

"Dengan pulangan yang menarik ini, PNB berharap pelabur akan mengekalkan dan terus menambah pelaburan dalam ASB. Pelabur akan menerima penyata dividen dan bonus serta laporan tahunan pada pertengahan Februari depan," katanya.

Pengiraan bonus adalah berdasarkan purata baki minimum bulanan untuk 10 tahun atau 120 bulan bagi tempoh 1990 hingga 1999.

Pembayaran dividen 8.5 peratus, dividen alaf baru dua peratus dan bonus 1.5 peratus akan memberi manfaat kepada 5.074 juta pelabur ASB di seluruh negara.

Beliau berkata, PNB akan sentiasa memastikan kepentingan pelaburan Bumiputera dalam skim ASB dengan menguruskan pelaburan sebaiknya bagi mengukuhkan kepentingan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat.

Tahun ini, ASB mendapat pulangan RM2,787.28 juta daripada dividen, keuntungan jualan saham dan pendapatan daripada sektor kewangan dan perladangan.

Antara sektor utama pelaburan ASB ialah kewangan (35 peratus), perdagangan dan perkhidmatan (28.8 peratus), perladangan (11 peratus), barangan industri (10.1 peratus) dan baki 15.1 peratus dilaburkan dalam sektor barangan pengguna, pembinaan, hartanah dan pembangunan, perlombongan, amanah hartanah dan syarikat prasarana.

Sebanyak 90 peratus daripada dana pelaburan PNB dilaburkan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Skim ASB sahaja menyumbang 5.5 peratus kepada permodalan pasaran BSKL.

Selain ASB dan ASW2020, PNB menguruskan Skim Amanah Saham Nasional (ASN) yang sehingga kini mempunyai dana RM2.4 bilion, manakala Amanah Saham Nasional 2 (ASN2) mempunyai dana RM218 juta.

Ahmad Sarji berkata, berikutan pengumuman dividen dan bonus itu, semua urusan niaga ASN dan ASB akan ditangguhkan di semua ejen, pejabat cawangan dan pejabat cawangan ASNB, mulai 21 Disember 1999 hingga 5 Januari 2000.

Semua urusan niaga ASW 2020 dan ASN2 pula akan ditangguhkan mulai 25 Disember 1999 hingga 5 Januari 2000. Urusan niaga empat skim berkenaan akan berjalan seperti biasa mulai 6 Januari.

Penangguhan itu untuk proses pengiraan dividen dan bonus tahun 1999 dan sebagai langkah persediaan menghadapi Masalah Tahun 2000 (Y2K). Oleh itu, pelabur dinasihatkan merancang urusan niaga pelaburan mereka.

Mengikut negeri, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mempunyai pelabur ASB terbanyak dengan 582,938 orang yang menerima dividen dan bonus berjumlah RM562.729 juta. Ia diikuti Johor dan Selangor.

(END)